

02/10/2000

19 pertubuhan profesional sertai BIM

Mohd Feroz Abu Bakar

SEJAK merdeka, beberapa institusi profesional ditubuhkan untuk menjaga kebajikan ahlinya menerusi kegiatan yang dianjurkan berdasarkan kerjaya masing-masing dan tidak banyak aktiviti inter disiplin untuk kebaikan umum.

Menyedari potensi jika institusi itu digabungkan, pada 1973, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menerusi penggiatnya, Dr Keshmanhinder Singh menubuhkan Balai Ikhtisas Malaysia (BIM) yang dianggotai oleh 11 institusi profesional dalam negara.

Selain MMA, pertubuhan lain yang mengasaskan BIM ialah Institut Jurutera Malaysia (IEM), Persatuan Pergigian Malaysia (MDA), Institut Kimia Malaysia (IKM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Persatuan Farmaseutikal Malaysia (MPS), Persatuan Veterinar Malaysia (VAM), Institut Juru Ukur Malaysia (ISM), Institut Pertanian Malaysia (AIM), Institut Perancang Bandar Malaysia (MIP) dan Majlis Peguam Malaysia (BCM).

Dr Keshmanhinder dilantik sebagai pengerusi BIM yang pertama dan beliau memegang jawatan itu hingga 1978.

Menjelang 1998, lapan tokoh mewakili beberapa pertubuhan dilantik sebagai pengerusi BIM.

Pengerusi BIM sekarang, Ir Mohd Mazlan Ismail Merican, berkata keahlian BIM kini bertambah menjadi gabungan 19 pertubuhan profesional.

Ahli barunya ialah Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW), Institut Getah dan Plastik Malaysia (PRIM), Persatuan Sains Tanah Malaysia (MSSS), Institut Perhutanan Malaysia (IRIM), Institut Binaan Bertauliah Malaysia (CIOB), Institut Arkitek Lanskap (ILAM), Institut Juru reka Dalaman (IPDM) dan Institut Auditor Dalaman Malaysia (IIAM).

"Selepas 27 tahun, gabungan ini bertambah matang terutama menerusi hubungan baiknya dengan kerajaan termasuk melantik Perdana Menteri sebagai penaungnya.

"Penaung pertama BIM ialah Allahyarham Tun Abdul Razak dan diikuti Allahyarham Tun Hussein Onn hingga tamat perkhidmatannya dan kini, penaung BIM ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagai pertubuhan yang menjadi payung kepada persatuan profesional, peranan utama BIM ialah menggalakkan profesionalisme di kalangan ahlinya menerusi pelbagai majlis atau kegiatan.

"Yang terkini, BIM dengan kerjasama Institut Tadbir Urus Malaysia (MICG) menganjurkan persidangan kebangsaan dengan tema 'Isu dan Keutamaan dalam Tadbir Urus Korporat' di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 10 dan 11 Oktober ini," katanya ketika ditemui di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Profesional dan golongan yang terbabit dalam tadbir urus korporat dijemput menghadiri persidangan itu dengan menghubungi talian telefon 03-7728 7171/7729 4621 atau e-mel bim 2020@ hotmail.com.

Yuran penyertaan untuk persidangan dua hari termasuk makan tengah hari dan kertas kerja ialah RM750 untuk setiap individu.

Mazlan berkata, tadbir urus korporat ialah proses dan struktur untuk mengarah dan menguruskan perniagaan serta hal ehwal syarikat untuk memperkukuhkan kedudukan syarikat dan ketelusan korporat dengan matlamat jangka panjang untuk menjaga kepentingan pelanggan.

Katanya, tadbir urus korporat bertumpu kepada kaedah mencari jalan oleh golongan profesional untuk melawan kepentingan diri atau pertentangan kepentingan yang akan menjejaskan nama baik mereka.

Hal ini, menurutnya, berkait rapat dengan cara mereka menjalankan tugas masing-masing sebagai doktor, jurutera, akauntan, juru ukur bahan, arkitek, peguam dan sebagainya.

Sebanyak 11 kertas kerja akan dibentangkan oleh tokoh korporat dan pentadbiran yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan organisasi di dalam atau luar negara untuk memberi input kepada peserta.

Katanya, kertas utama akan dibentangkan oleh Timbalan Presiden, Bursa Saham Kuala Lumpur, Mohd Nor Ahmad selepas majlis perasmian oleh Penasihat, Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Muhamed.

Selain itu, pembentang kertas kerja lain ialah Pengarah Urusan Pakatan International Md Isahak dan Rakan-rakan Sdn Bhd, Mohd Isahak Mohd Yusof yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan sektor swasta di Australia dan Malaysia, Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya, Datuk Ir Zaini Omar dan Pengarah Urusan P Kasi Associates Sdn Bhd, P Kasi.

Katanya, persidangan itu diharapkan dapat mengemas-kini etika di kalangan profesional dan membantu mereka mewujudkan kewibawaan yang akan menghasilkan kecemerlangan dalam organisasi masing-masing.

Beliau berkata, input daripada persidangan itu juga akan membolehkan peserta mengkaji semula peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam dunia korporat yang berubah dengan pantas sekarang supaya ketelusan organisasi mereka dilihat seiring dengan kaedah tadbir urus yang betul.

(END)